

Kebebasan Hak Asasi dalam Konteks Tahanan di Malaysia

Freedom of Human Rights in Context of Detainees in Malaysia

Nur Ainul Munazah Hassan
¹Sharifah Nursyahidah Syed Annuar

Program Sains Politik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding e-mail: ¹shnursyahidah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Setiap manusia memiliki hak yang dapat mengangkat darjat dan nilai kemanusiaan selaras dengan fitrah asal mereka. Istilah 'hak' merujuk kepada hak individu. Walau bagaimanapun, hak dan kebebasan ini memiliki limitasi menerusi peruntukan undang-undang seperti hukuman atau penahanan. Oleh yang demikian, menerusi kajian ini, penelitian terhadap kebebasan hak asasi tahanan akan dikaji dalam konteks Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif meliputi dapatan dari temu bual dan penelitian terhadap laporan-laporan yang dikeluarkan oleh organisasi masyarakat sivil seperti SUHAKAM dan SUARAM. Lantaran itu, kerangka konseptual yang digunakan adalah konsep hak asasi manusia dan teori kontrak sosial menurut Immanuel Kant. Kajian ini akan menjelaskan kedudukan hak tahanan di Malaysia menerusi sejarah latar belakang dan prinsip asas yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Kajian ini juga menganalisis hak tahanan dalam konteks piawaian peraturan minimum dan sistem pemenjaraan di Malaysia menerusi Peraturan Nelson Mandela. Seterusnya, kajian ini menilai sejauh mana tahap pemerkasaan hak tahanan dari aspek keselamatan dan perundangan di Malaysia dengan perbandingan terhadap negara India dan United Kingdom. Hasil kajian mendapati tahap pemerkasaan dan pengimplementasian garis panduan yang disyorkan oleh PBB dalam memartabatkan hak asasi tahanan di Malaysia masih pada tahap kurang memuaskan. Hal ini kerana masih terdapat aduan dan laporan yang menunjukkan pengabaian dan penindasan masih berlaku ke atas tahanan saban tahun sehingga menyebabkan kematian. Kesimpulannya, setiap tahanan berhak menerima hak sebagai seorang manusia tanpa sebarang bentuk diskriminasi.

Kata kunci: kebebasan, hak asasi, kemanusiaan, tahanan, Peraturan Mandela

ABSTRACT

Every human being has the right, in accordance with their original nature, to enhance the level and value of humanity. The term 'rights' refers to individual rights. However, these rights and freedoms have limitations through legal provisions such as punishment or detention. Therefore, through this study, research on the freedom of detainees' fundamental rights will be studied in the context of Malaysia using descriptive qualitative methods covering findings from interviews and research on reports issued by civil society organisations such as SUHAKAM and SUARAM. Next, the conceptual framework used is the concept of human rights and social contract theory by Immanuel Kant. This study will explain the level of detention rights in Malaysia through the historical background and basic principles outlined by the United Nations (UN) based on the Universal Declaration of Human Rights. In addition, this paper also examines detainee rights in context of minimal rule standards and the Malaysian prison system via the Nelson Mandela Rules. This study also compare Malaysia to India and the United Kingdom in terms of the level of detainee rights

empowerment from security and legal perspectives. According to the study's findings, Malaysia's degree of empowerment and execution of the UN principles for safeguarding detainees' basic rights remains less than sufficient. This is due to the fact that there are still complaints and reports indicating that inmates are subjected to negligence and oppression on a yearly basis, culminating in death. Finally, every detainee has the right to be treated as a human being without discrimination.

Keywords: *freedom, human rights, humanity, detainee, Mandela Rules*

1. Pengenalan

Kebebasan hak asasi manusia adalah sebuah isu yang sering kali diperdebatkan sehingga mendapat perhatian ramai termasuklah dari masyarakat tempatan dan juga masyarakat antarabangsa. Manusia memiliki hak semula jadinya sebaik sahaja dilahirkan ke muka bumi. Hak semula jadi yang dimiliki oleh seseorang individu adalah berbentuk kebebasan ke atas diri mereka tanpa ada sebarang sekatan. Demikianlah, hak semula jadi yang telah digariskan memiliki ciri-ciri yang mengangkat darjat dan nilai kemanusiaan sesuai dengan fitrah seorang manusia. Hak tersebut merujuk kepada kebebasan diri, beragama, budaya, berpolitik dan lain-lain. Perlu difahami juga bahawa hak tersebut memiliki beberapa limitasi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi mengawal tindak-tanduk masyarakatnya agar konsep kebebasan hak tersebut tidak disalah gunakan. Hak juga merupakan istilah merujuk kepada ketamadunan serta prinsip demokrasi yang memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada manusia (Shamrahayu, 2010:10). Menurut Amartya Sen (1999) iaitu seorang sarjana politik India menyatakan bahawa manusia dicirikan sebagai makhluk yang bebas dalam dua kategori. Pertama, bebas dalam konteks baik iaitu bebas untuk memiliki dan mencapai segala yang dirasai baik untuk dirinya dan kedua merupakan kebebasan yang bersifat negatif. Kebebasan berbentuk negatif ini adalah kebebasan yang perlu dimiliki oleh manusia agar mereka tidak akan mudah untuk ditindas oleh pihak luar. Dalam bahasa mudah, manusia tidak boleh dihalang oleh mana-mana pihak untuk menjalani kehidupan yang bernilai. Keseimbangan untuk hidup dalam keadaan yang tidak terikat dengan mana-mana peraturan yang menindas oleh pihak pemerintah juga menjadi antara elemen penting dalam kehidupan manusia. Pandangan Sen amat bersesuaian dengan konteks kajian ini.

Manusia memiliki martabat kehidupan yang tinggi tidak seperti makhluk yang lain. Oleh sebab demikianlah, manusia tidak boleh mengabaikan hak-hak yang mereka miliki dan perlu sentiasa sedar akan kepentingan hak tersebut. Bagi Donelly (2003), frasa hak asasi manusia merupakan frasa yang mentakrifkan hak yang dimiliki oleh seseorang individu atas sebab individu tersebut adalah manusia. Hak juga merupakan satu manifestasi kemuliaan manusia yang telah diiktiraf menerusi Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat atau dikenali sebagai *The Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) pada tahun 1948. UDHR ini menjadi kayu ukur utama kepada pelaksanaan garis panduan atau undang-undang yang berkaitan dengan norma kehidupan masyarakat yang berada di dalam sesuatu pemerintahan. Secara ringkasnya, UDHR terdiri daripada 30 Perkara yang menggariskan hak asasi manusia yang bersifat sejagat dan menyeluruh. Menurut Elisabeth (2006), pelaksanaan garis panduan UDHR yang berpaksikan kepada hak asasi ini bermula dan tercetus dari negara Barat hasil dari peristiwa serta kejadian lampau yang telah mengeneipkan hak seseorang individu. Contohnya, ketika berlakunya Revolusi Perancis, Perang Dunia Pertama dan juga Kedua serta peristiwa bersejarah yang lain.

Dalam konteks Malaysia, hak asasi manusia telah dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia berteraskan kepada penerapan konsep keadilan dan kesaksamaan dalam orientasi atau proses sosiologi masyarakat. Pengisytiharan hak asasi yang ditakrifkan di dalam Perlembagaan adalah pada Bahagian 2. Perkara 3 sehinggalah Perkara 13 menjadi antara peruntukkan yang menyatakan dengan jelas tentang hak asasi manusia. Peruntukkan itu juga telah menggariskan beberapa keperluan hak kepada seseorang individu atau sesuatu kelompok masyarakat. Menerusi kajian ini, penulis akan memberi penekanan terhadap hak asasi tahanan dibawah peruntukkan hak asasi individu. Tahanan sememangnya layak untuk menerima sifat kemanusiaan yang sama seperti masyarakat biasa. Limitasi dan had kebebasan hak bagi tahanan telah menimbulkan beberapa isu yang tidak berkesudahan. Antara isu yang bakal disentuh di dalam kajian ini adalah diskriminasi terhadap tahanan di Malaysia. Tahanan di sini merujuk kepada tiga kategori utama iaitu suspek yang didakwa melakukan kesalahan yang dibawa ke lokap polis, banduan yang didapati bersalah dan dimasukkan ke dalam pusat tahanan penjara serta banduan warga asing yang ditahan di depoh tahanan imigresen. Isu ini bukan sahaja mendapat tumpuan masyarakat dan media massa tempatan, namun di negara luar juga kes ini turut tular dengan pantas serta menarik lebih ramai pengkaji untuk meneliti kebebasan hak asasi manusia dalam konteks tahanan bagi negara mereka. Tahanan secara umumnya adalah mereka yang disyaki melakukan kesalahan serta mereka ditahan melakukan pelanggaran tatalaku yang ditegah dan dilarang dalam undang-undang ataupun melibatkan jenayah kecil atau berat. Konsep dan teori yang bakal mendasari kajian ini adalah konsep hak asasi manusia dan teori kontrak sosial menurut Immanuel Kant.

Kajian ini akan menjelaskan kedudukan hak tahanan di Malaysia menerusi sejarah latar belakang dan prinsip asas yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Kajian ini juga menganalisis hak tahanan dalam konteks piawaian peraturan minimum dan sistem pemenjaraan di Malaysia menerusi Peraturan Nelson Mandela. Laporan yang dikeluarkan agensi dan pihak terlibat seperti Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dijadikan sebagai sumber penelitian utama kajian ini. Di samping itu juga, kajian ini turut merungkai intimidasi yang berlaku kepada tahanan dengan mengambil kira tahap pemerkasaan hak tahanan dalam aspek keselamatan dan perundangan di Malaysia. Pelbagai bentuk pengabaian hak asasi ini dianggap sebagai salah satu penindasan yang dilakukan oleh pihak berkuasa tanpa mengambil kira secara teliti akan hak dan moraliti tahanan. Pengkaji juga akan meneliti dengan membuat perbandingan terhadap United Kingdom. Kajian ini pada akhirnya akan mencadangkan satu solusi kepada penambahbaikan yang bersifat lebih adil dan bertepatan dengan konsep kebebasan hak asasi manusia. Keutamaan serta mengapa kajian ini sangat diperlukan adalah bagi memupuk kesedaran dan memangkin tahap literasi yang tinggi dalam kalangan masyarakat tempatan berkaitan kepentingan mengenali hak-hak yang sepatutnya dipertahankan oleh seluruh individu terutama sekali bagi individu yang diklarifikasikan sebagai tahanan di dalam penjara, lokap serta depoh tahanan serta meliputi peranan ahli keluarga tahanan. Hasil kajian mendapati tahap pemerkasaan dan pengimplementasian garis panduan yang disyorkan oleh PBB dalam memartabatkan hak asasi tahanan di Malaysia masih pada tahap kurang memuaskan. Hal ini kerana masih terdapat aduan dan laporan yang menunjukkan pengabaian dan penindasan masih berlaku ke atas tahanan saban tahun sehingga menyebabkan kematian.

2. Tinjauan Literatur

Tinjauan kajian ini akan mendalami beberapa penemuan yang didapati menerusi kajian-kajian lepas dalam konteks kebebasan hak asasi bagi individu yang berada di dalam pusat tahanan di Malaysia. Meskipun begitu, terdapat juga kajian-kajian lepas yang tidak menepati sepenuhnya perspektif kajian ini memandangkan wujud perbezaan latar masa, tempat dan objektif namun ianya masih lagi berada dalam titik fokus yang sama iaitu penekanan terhadap hak asasi manusia dalam konteks tahanan. Tambahan itu juga, kajian seperti tajuk ini dilihat terhad dan kurang dikaji di Malaysia. Oleh yang demikian, bagi memperbanyakkan lagi intipati dan kefahaman terhadap perbincangan ini, tinjauan literatur terhadap kajian terdahulu yang paling hampir sama dengan skop kajian akan dibincangkan di bahagian kajian ini.

2.1 Hak Asasi di Malaysia

Dalam pandangan Harlida, Abdul & Asiah (2001:72) menerusi jurnal Akta 597 : Satu Perkembangan Hak Asasi Manusia di Malaysia berpandangan bahawa isu hak asasi manusia telah berkembang dengan pantas di peringkat dalaman negara dan juga pada peringkat antarabangsa yang mana isu ini berterusan sehingga ke hari ini. Beliau juga berkata bahawa isu yang terkait dengan hak asasi ataupun kebebasan asasi ini telah menerima pelbagai kecaman, kritikan dan gesaan pemerkasaannya semula dalam kalangan pihak-pihak tertentu. Antara golongan yang kuat memperjuangkan isu terhadap hak asasi manusia di Malaysia ini adalah masyarakat sivil yang terdiri daripada badan bukan kerajaan atau *non-governmental organization* (NGO). Tuntutan terhadap isu pemerkasaan hak asasi manusia di Malaysia telah berlaku dalam keadaan genting semenjak penghujung tahun 1990 lagi. Maka dengan kejadian itulah, kerajaan mengambil peranan yang proaktif untuk merangka satu pelan tindakan undang-undang di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia pada tahun 1999. Menerusi pelaksanaan akta tersebut, hak dalam kalangan masyarakat umum dapat diselaraskan menerusi perkara yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Bahagian II (2) dan juga *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR).

2.3 Isu Melibatkan Pengabaian Terhadap Hak Tahanan di Malaysia

Dalam sebuah kajian yang dikeluarkan oleh SUHAKAM menerusi laporan tahunan 2016 iaitu *Deaths in Police Custody : A Thematic Study on Lock-Up Conditions and Factors Contributing to the Death*, menyatakan fasiliti tempat tahanan berada dalam keadaan yang kurang memuaskan. Contohnya, keadaan tandas yang digambarkan itu adalah tandas yang kurang privasi disebabkan reka bentuk tandas itu yang seakan-akan mampu menggugat ketenteraman dan keselesaan seseorang banduan. Hal ini menyebabkan hak tahanan untuk menerima akses persekitaran yang selamat dinafikan. Dalam buku *Where is Justice? Death and Brutality in Custody* yang diterbitkan oleh Malaysia Kini (2009) menganalisis keadilan dan ketelusan dalam tugas pihak berkuasa fokus kepada pihak polis dan pihak penjara. Tulisan yang disunting oleh Lee dan Tan itu telah memberi gambaran penuh mengenai kes-kes yang berlaku melibatkan keganasan dan kematian dalam tahanan pihak berkuasa terlibat sehingga melanggar konsep kebebasan hak asasi individu. Isu diskriminasi tahanan juga turut dibincangkan di dalam kajian tersebut. Selain itu juga, kelemahan yang terserlah dalam sistem pemenjaraan di Malaysia juga dapat diteliti menerusi kupasan kajian lepas yang dikeluarkan oleh Arif, Syed Alwee, Shafee & et. al. (2021:304) menerusi artikel

Malays J Pathol : A 15-Year Study of Death in Custody in Tuanku Ja'afar Hospital Seremban. Di dalam kajian ini, para pengkaji berpendapat bahawa kadar kematian dalam tahanan telah terjadi disebabkan tiadanya penyelarasan di dalam akses kepada rawatan kesihatan yang sepatutnya diuruskan oleh pegawai kesihatan yang dilatih dengan baik beserta persekitaran yang kondusif untuk merawat para pesakit. Menurut pengkaji, hak asasi terhadap banduan seolah-olah menjadi suatu perkara yang tidak penting terutamanya bagi banduan di depon tahanan imigresen. Bertepatan dengan pendapat mereka yang menyatakan :

"...the rights of the detainess in other forms of detention facilities including the Immigration depot for Illegal Immigrants were not properly outlined or lawfully regulated..."

Menerusi jurnal kajian dikeluarkan oleh SUHAKAM, *The Right to Health in Prison : Results on a Nationwide Survey and Report* (2017:50) isu berkaitan keperluan asas yang sepatutnya diberikan secara konsisten oleh pihak pengurusan penjara juga menjadi salah satu pemerhatian yang dilakukan oleh pihak SUHAKAM. Menerusi penelitian mereka, masih terdapat banyak ketidakseimbangan akses kepada keperluan asas yang wajib disedia dan diberikan kepada tahanan terutamanya bagi tahanan wanita. Hal ini kerana wanita lebih memerlukan keperluan asas yang penting seperti tuala wanita sebagai keperluan peribadi bagi menjaga kebersihan diri mereka. Suruhanjaya ini telah mengenalpasti terdapat limitasi untuk para tahanan mengakses segala keperluan yang mereka perlukan disebabkan peruntukan kepada barangan tersebut masih kurang. Perkara ini juga telah dinyatakan dengan jelas di dalam *United Nations Rules for the Treatment of Women Prisoners and Non-custodial Measures for Women Offender* menerusi Rule 5 (*Personal Hygiene*). Melalui sorotan kajian lepas, dapat dilihat bahawa pelaksanaan peraturan dan beberapa prosedur layanan ke atas tahanan dalam konteks Malaysia masih pada takuk yang boleh dikatakan lama dan memiliki pelbagai limitasi yang perlu diperbaharui. Kebanyakan kajian yang dibuat meneliti kepentingan hak asasi terhadap tahanan dan juga keperluan yang wajib diberikan terhadap mereka memandangkan keperluan tersebut menjadi sebahagian dari hak-hak yang perlu mereka miliki dalam menjalani kehidupan di dalam pusat tahanan.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan meliputi kajian pengumpulan bahan bacaan yang berkaitan melalui akses di perpustakaan. Dalam mendapatkan maklumat dan informasi yang lebih banyak mengenai kajian ini, beberapa kerangka konseptual beserta sorotan kajian lepas dimasukkan ke dalam kajian ini sebagai salah satu sumber sekunder. Berdasarkan kepada sumber sekunder tersebut, maklumat-maklumat telah diperolehi daripada buku bersifat akademik, jurnal, artikel, dokumentasi, laman sesawang, akhbar atas talian dan lain-lain lagi. Bahan-bahan ini juga diperolehi daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) Universiti Kebangsaan Malaysia. Bagi sumber sekunder yang lain diperolehi daripada pelbagai laman sesawang meliputi akses dari dalam dan luar negara. Antaranya, laman sesawang rasmi Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan lain-lain lagi. Sumber primer juga akan diguna pakai dalam kajian ini dengan kaedah temu bual yang dibuat bersama-sama dengan panel dari badan bukan kerajaan iaitu Suaram Rakyat Malaysia (SUARAM) untuk mendapatkan pandangan berkaitan beberapa isu dalam tajuk kajian ini. Kajian ini turut dihasilkan berdasarkan kepada kerangka konseptual dengan menggunakan konsep hak asasi manusia dan teori

kontrak sosial menurut Immanuel Kant. Skop kajian dibuat dalam ruang lingkup tempatan iaitu Malaysia, namun tiada pengkhususan pada kawasan kajian secara terperinci.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Kedudukan Hak Tahanan di Malaysia Berdasarkan kepada Latar Belakang Sejarah dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Hak asasi yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan berada pada Bahagian 2 dengan peruntukan asas melindungi kebebasan merangkumi kebebasan individu, kesamarataan antara masyarakat, kebebasan bersuara, berhimpun dan beragama. Secara umumnya, kesemua kebebasan yang tercatat di dalam Perlembagaan ini tidak bersifat mutlak dan tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan. Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang demokratik, maka peranan masyarakat sivil juga perlu dititikberatkan dalam memastikan hak asasi masyarakat tidak dieksploitasi sewenang-wenangnya. Sejarah latar belakang hak asasi manusia di dalam konteks tahanan juga akan dihuraikan dengan melihatkan kepada perjalanan pembangunan hak asasi manusia di Malaysia bermula selepas kemerdekaan sehingga kemunculan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada tahun 1999. Kedudukan hak asasi bagi tahanan di Malaysia juga akan dilihat menerusi perjanjian yang dibuat oleh pihak kerajaan terhadap triti atau deklarasi antarabangsa yang dipersetujui. Deklarasi tersebut adalah *The Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) yang digagaskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Menjadi keutamaan di dalam kajian ini adalah bermula pada era penubuhan SUHAKAM sebagai badan pemantau dan tulang belakang kerajaan dalam melindungi dan menjaga hak-hak serta kebebasan asasi di Malaysia sehingga muncul isu-isu kontemporari sekitar abad ke-21.

4.1.1 Sejarah Latar Belakang Hak Asasi Manusia dalam Konteks Tahanan di Malaysia

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, hak asasi manusia di Malaysia secara amnya termaktub dibawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Kajian mendapati bahawa hak asasi terkandung di dalam Sembilan Peruntukan di bawah Bahagian 2 dengan tajuk Kebebasan Asasi. Menurut Nisar dan Mahyeddin (2018: 5), peruntukan asas tentang hak asasi manusia di dalam Perlembagaan Persekutuan bermula dengan Perkara 5 (kebebasan diri) dan diakhiri dengan Perkara 13 yang melindungi hak terhadap pemilikan harta. Peruntukan tersebut menjadi sebahagian kebebasan asasi (*fundamental liberties*) meskipun tiada definisi jelas yang ditakrifkan di dalam perlembagaan tersebut berkaitan terma hak asasi manusia secara mendalam. Menjadi tumpuan utama kajian ini adalah peruntukan hak asasi melalui Perkara 5 yang lebih signifikan untuk diguna pakai dalam konteks tahanan di Malaysia. Peruntukan Perkara 5 (Hak kehidupan dan kebebasan diri) sememangnya sesuai untuk diteliti meskipun penerangan yang dinyatakan di bahagian tersebut bersifat asas dan luas tafsirannya. Namun prinsip-prinsip keadilan yang perlu diutamakan dalam konteks tahanan dapat difahami dengan mudah melalui peruntukan tersebut. Hak tersebut menjadi salah satu simbol yang mengangkat prinsip demokrasi dengan cara memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk hidup tanpa penindasan.

Penulisan ini mengenalpasti bahawa Perkara 5(1), menyatakan setiap orang mempunyai hak untuk menikmati hidup yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak. Istilah 'hak untuk hidup' boleh diinterpretasikan dalam konteks tahanan di Malaysia. Hak untuk hidup bukan sahaja perlindungan terhadap ancaman perbuatan membunuh atau mencabut nyawa, namun hak tersebut juga menjamin kehidupan seseorang untuk

memperoleh kemudahan yang mencukupi meliputi air dan udara bersih serta akses kepada kesihatan dan tempat tinggal yang baik. Dengan penyelarasan terhadap hak tahanan, golongan ini juga tidak boleh dipinggirkan meskipun kebebasan dalam menikmati hak asasi telah dikawal oleh pihak berkuasa. Tahanan tidak boleh dilayan dengan kejam kerana martabat dan maruah mereka sama seperti manusia biasa. Akan tetapi perincian berkaitan huraian yang lebih mendalam berkaitan hak tahanan belum jelas dan masih pada tahap yang kurang memberangsangkan meskipun terdapat undang-undang yang menetapkan peraturan-peraturan di dalam pusat tahanan. Tafsiran terhadap hak untuk tidak dinafikan kebebasan diri masih berada pada tahap sama dengan penafsiran hak untuk hidup bagi tahanan-tahanan di Malaysia.

Dapat dikatakan bahawa manusia terutamanya tahanan masih tidak bebas secara mutlak dan masih tertakluk kepada proses perundangan. Hal ini membawa maksud bahawa meskipun Perlembagaan diiktiraf dan diangkat menjadi undang-undang tertinggi negara Malaysia, namun secara realitinya ianya tidak lagi menjadi rujukan umum kepada hak-hak yang diklarifikasikan sebagai hak asasi tahanan. Penafsiran terhadap hak-hak melibatkan hak tahanan masih lagi perlu diteliti dengan bantuan dari rujukan-rujukan dari instrumen tambahan yang lain. Walaubagaimanapun, kerajaan Malaysia amat komited terhadap perlindungan melibatkan hak-hak asasi tahanan. Buktinya, wujud Akta Penjara 1995 bersama-sama Peraturan Penjara 2000 yang menjadi panduan utama di dalam mengawal selia dan menjaga tahanan. Meskipun begitu, menjadi persoalan terhadap sejauhmanakah peraturan dan undang-undang yang telah disediakan ini berjaya diselaraskan dan diamalkan oleh pihak berkuasa? Penilaian terhadap persoalan ini akan dibincangkan pada bahagian berikutnya.

Pengkaji juga melihat bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang ditubuhkan pada tahun 1999 merupakan inisiatif pertama yang diambil oleh pihak kerajaan dalam merangka solusi yang dapat menangani permasalahan atau isu pengabaian terhadap hak asasi dalam kalangan masyarakat di negara ini. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) menjadi kunci utama penubuhan suruhanjaya ini. Peranan utama Suruhanjaya ini adalah bertepatan dengan Akta 597 yang menjelaskan bahawa SUHAKAM sebagai sebuah badan kerajaan yang berfungsi mempromosikan kesedaran tentang hak asasi manusia dengan pelbagai cara. Pada awal penubuhan SUHAKAM di Malaysia, banyak pihak yang mempersoalkan kebolehan Suruhanjaya tersebut kerana sememangnya tugas yang dipikul begitu berat. Menjelang suku pertama abad ke-21, peranan SUHAKAM berkembang dengan lebih baik dan kukuh disebabkan oleh fungsinya yang semakin bertambah.

Dalam era kontemporari ini, kemunculan kes yang semakin bertambah dalam isu melibatkan pencabulan hak asasi rakyat telah meningkatkan lagi tindakan pihak SUHAKAM untuk lebih progresif untuk menyesuaikan keadaan semasa dengan garis panduan hak asasi yang diguna pakai oleh sistem pemerintahan dan perundangan Malaysia. SUHAKAM yang berperanan menyediakan cadangan kepada pihak kerajaan telah berjaya membentuk perjanjian atau triti antarabangsa yang diserap masuk dalam hak asasi manusia di Malaysia. Rentetan dari itu, dalam konteks hak tahanan, SUHAKAM telah mengikut beberapa kerangka dan instrumen antarabangsa yang telah diiktiraf. Antara instrumen yang seringkali dirujuk dan digunakan adalah Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan beberapa deklarasi lain yang disesuaikan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Peningkatan prestasi SUHAKAM sebagai badan pemantau dinilai apabila mereka berjaya mengeluarkan laporan-laporan tahunan yang mengandungi analisis dan

pemerhatian yang dibuat hasil dari aduan masyarakat sivil. Namun begitu, laporan tahunan ini dikeluarkan terakhir adalah pada tahun 2019. Menjadi kekangan bagi pengkaji untuk meneliti dengan lebih mendalam tentang isu melibatkan hak asasi manusia pada tahun 2020 sehingga 2022.

4.1.2 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

UDHR ditubuhkan pada 10 Disember 1948 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation*) dan diiktiraf sebagai instrumen pertama yang mengetengahkan intipati hak asasi manusia bersifat sejagat. Pengisytiharan ini memberi penekanan terhadap takrifan semula frasa kebebasan, kesaksamaan, kemuliaan dan keadilan bagi mengurangkan kes-kes yang melanggar prinsip asasi manusia seperti kezaliman serta penindasan. Terdapat 30 Perkara ataupun kayu ukur bagi menangani kekangan dan permasalahan yang wujud melibatkan perihal hak asasi manusia yang telah digariskan oleh PBB di dalam UDHR ini. Walaupun terhadap 30 Perkara yang digariskan oleh UDHR, namun intipati yang diberi penekanan utama dalam tajuk kajian ini iaitu hak terhadap tahanan yang diteliti menerusi hak-hak yang bersesuaian sahaja seperti : Perkara 1(Lahir sebagai manusia bebas), Perkara 2 (Tiada diskriminasi), Perkara 3 (Hak untuk kehidupan, kebebasan dan keselamatan), Perkara 5 (Perlindungan dari penyeksaan, layanan atau hukuman yang zalim dan menjatuhkan maruah, Perkara 6 (Berhak kepada pegiktirafan di mana jua sebagai seorang manusia di sisi undang-undang), Perkara 7 (Perlindungan undang-undang saksama), Perkara 8 (Hak mendapat remedi berkesan melalui tribunal yang berkelayakan), Perkara 9 (Perlindungan daripada penahanan dan pembuangan daerah sewenang-wenangnya), Perkara 10 (Hak untuk mendapat perbicaraan yang adil dan terbuka), Perkara 11 (Dianggap tidak bersalah sehingga terbukti di Mahkamah) dan Perkara 12 (Hak terhadap privasi).

Meneliti fokus utama kajian ini iaitu hak serta kebebasan terhadap tahanan di Malaysia, pemerkasaannya mula diteliti secara mendalam dengan peranan SUHAKAM yang mengikuti garis panduan yang ditetapkan di dalam UDHR. Menerusi 30 intipati Perkara UDHR ini, SUHAKAM dapat menyesuaikan isu-isu hak asasi kontemporari seperti layanan dan keadilan terhadap tahanan dengan baik. Hal ini adalah kerana untuk memastikan masih wujud perlindungan terhadap mereka (tahanan) yang telah dilucutkan separuh kebebasan mutlak sebagai seorang manusia biasa. SUHAKAM berhasrat untuk terus menjalankan tanggungjawabnya sebagai badan pemantau utama negara terhadap hak asasi manusia di Malaysia dengan mencadangkan beberapa resolusi dan cadangan dengan kerjasama bersama pihak berkuasa iaitu pihak penjara. Kajian ini turut mengenalpasti bahawa peranan SUHAKAM juga turut dilihat menerusi kejayaannya mengadakan beberapa program yang menekankan kepentingan advokasi dan penerapan nilai serta ilmu kemanusiaan kepada seluruh masyarakat termasuklah pihak berkuasa tempatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menjayakan pelaksanaan hak asasi manusia yang bertepatan dengan instrumen UDHR. Program tersebut adalah Seminar Hak Asasi Manusia dan Kepolisian, Bengkel Hak Asasi Manusia Bahagian Siasatan dan Bengkel Hak Asasi dan Keadilan.

Hasil dapatan turut mendapati hak tahanan di Malaysia dilindungi oleh beberapa instrumen yang bersifat tempatan dan juga antarabangsa. Dengan penguatkuasaan Akta 597, Peraturan Penjara 2000 dan lain-lain, semuanya masih diselaraskan bersama-sama instrumen yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memandangkan Malaysia merupakan negara anggotanya. Antara sebab lainnya adalah intipati UDHR lebih

bersifat spesifik yang dapat membantu pihak berkuasa tempatan mentafsir secara teliti sesuai dengan bahagian-bahagian pemerkasaan hak bagi mereka yang tergolong sebagai tahanan. Kajian ini tidak mengenyepikan ketinggian peruntukan Perlembagaan, namun kajian ini melihat bahawa pengiktirafan UDHR sebagai dokumen dan garis panduan hak asasi manusia membantu pihak kerajaan Malaysia menangani permasalahan yang muncul pada era moden kini dalam isu-isu melibatkan pelanggaran hak asasi tahanan yang berada di penjara, lokap polis mahupun di depoh tahanan imigresen. Oleh itu, penulis merumuskan bahawa kebebasan hak asasi dalam konteks tahanan di Malaysia bergerak dan berkembang sesuai dengan perubahan zaman yang semakin mencabar. Maka, dapat dilihat skop perkembangan hak asasi tahanan telah berkembang mengikut tafsiran yang lebih luas dan mendalam di Malaysia agar ianya dapat disesuaikan dengan keperluan semasa tahanan.

4.2 Tahap Pengimplementasian Piawaian Peraturan Minimum Tahanan dan Sistem Pemenjaraan di Malaysia Berdasarkan Peraturan Nelson Mandela oleh PBB

Kajian ini juga menganalisis hak tahanan dalam konteks piawaian peraturan minimum dan sistem pemenjaraan di Malaysia menerusi Peraturan Nelson Mandela. Piawaian Peraturan Minimum bagi Tahanan yang juga dikenali sebagai *Standard Minimum Rules of the Treatment for Prisoners* merupakan peraturan yang bertujuan menjadi konsensus umum dan bertindak sebagai elemen terpenting dalam sistem tahanan pada masa kini yang lebih moden. PBB telah merangka peraturan-peraturan minimum ke atas tahanan meliputi prinsip-prinsip hak asasi manusia yang mampu diterima secara menyeluruh sebagai amalan yang baik dalam melayani dan berlaku adil terhadap semua kategori tahanan. Disebabkan keadaan perundangan, ekonomi, sosial serta faktor geografi negara di serata dunia amat berbeza, maka adalah jelas bahawa peraturan yang digariskan oleh PBB ini tidak seharusnya diikuti dan dilaksanakan di semua negara. Meskipun begitu, peraturan ini menjadi antara inisiatif terbaik untuk merangsang usaha berpanjangan bagi mengatasi permasalahan yang wujud dalam praktik penimplimentasian hak asasi manusia ke atas diri tahanan. Peraturan yang diperkenalkan oleh PBB ini secara umumnya menggambarkan keadaan yang paling asas atau disebut sebagai keadaan paling minimum yang perlu diterima oleh para tahanan atau pesalah.

Peraturan minimum layanan terhadap tahanan ini diterima pakai oleh Kongres Pertama PBB yang diadakan di Geneva pada tahun 1995 sebagai langkah pencegahan terhadap layanan buruk diberikan terhadap mereka yang berada di dalam pusat tahanan. Peraturan-peraturan ini mendapatkan kelulusan dari Majlis Ekonomi dan Sosial dengan resolusi 883 C (XXIV) pada tanggal 31 Julai 1957 dan 2076 (LXII) pada 13 Mei 1977 (SUHAKAM, 2000). Peraturan-peraturan ini juga turut menerapkan beberapa keperluan dan hak asas sepertimana yang telah digariskan di dalam dokumen Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Sebahagian besar peraturan-peraturan yang digariskan pada awal pelaksanaannya telah disemak semula untuk menyelaraskan perubahan yang berlaku dalam amalan serta norma kehidupan masyarakat antarabangsa yang hidup ke arah kehidupan yang kian kompleks. Semakan peraturan minimum tersebut berlaku untuk mengimbangi keperluan tahanan sejajar dengan peredaran zaman dalam aspek hak asasi manusia, sains pemulihan, perkhidmatan serta etika perubatan yang lebih sesuai.

Menurut Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau *International Committee of The Red Cross*, ICRC (2017) semakan tersebut telah ditambah baik sebagai Peraturan Nelson Mandela (*The Mandela Rules*). Peraturan Mandela ini diterima pakai bermula pada 17 Disember 2015 setelah dipersetujui sebulat suara oleh delegasi yang hadir di

Perhimpunan Agung PBB pada ketika itu. Komuniti antarabangsa memutuskan untuk tidak mengubah keseluruhan peraturan-peraturan di dalam Piawaian Peraturan Minimum terhadap Tahanan, namun hanya memilih untuk menjalankan semakan secara bersasar kepada bahagian-bahagian tertentu yang dianggap tidak lagi bersesuaian dengan zaman kini. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, peraturan ini bukanlah bersifat mengikat ataupun diwajibkan ke atas seluruh negara di dunia. Namun begitu, peraturan yang dikeluarkan oleh pihak PBB ini merupakan satu set garis panduan yang dapat disesuaikan mengikut latar belakang ekonomi, sosial, perundangan dan iklim geografi negara masing-masing untuk mengekang pengabaian terhadap hak yang sepatutnya diberikan terhadap diri tahanan. Dari 122 peraturan yang disediakan ke atas tahanan, hampir 35 peratus telah disemak semula melibatkan 9 bahagian utama. Bahagian yang disemak semula adalah berkaitan maruah tahanan, golongan rentan, akses perubatan dan kesihatan, disiplin dan sekatan tahanan, penyiasatan melibatkan kes kematian dan penyeksaan dalam tahanan, akses kepada wakil sah untuk perbicaraan, hak untuk membuat aduan serta latihan dalam kalangan kakitangan pusat penjara dan pihak berkuasa iaitu pegawai penjara dan polis.

4.2.1 Peraturan Mandela dan Pengimplementasiannya di Malaysia

Dalam kajian ini, penulis menekan kepada keperluan yang diberi tumpuan penting iaitu (A) tempat tinggal, air, sanitasi dan kebersihan, (B) pemakanan dan (C) akses dan penjagaan kesihatan tahanan. Hal ini adalah kerana sebahagian besar layanan minimum tahanan lebih berfokus kepada isu-isu yang muncul dalam rutin kehidupan seharian mereka seperti masalah tempat tidur yang sempit, persekitaran pusat tahanan terutamanya di penjara dan depoh tahanan yang tidak kondusif, kelewatan untuk memperoleh akses perubatan dan kualiti makanan yang kurang berkualiti. Antara lainnya, ketiga-tiga keperluan ini diberi penekanan yang lebih sebagai hak utama tahanan adalah kerana ianya amat mempengaruhi psikososial para tahanan akibat dari kesan psikologi penangkapan atau pemenjaraan serta pemisahan yang perlu dihadapi oleh mereka daripada struktur sokongan khususnya keluarga (ICRC, 2017:6).

(A) Tempat tinggal, air, sanitasi dan kebersihan pusat tahanan

Kemudahan dan fasiliti menjadi indikator yang perlu diberi keutamaan di bahagian ini kerana ianya menjadi keperluan asas yang dinikmati oleh tahanan dalam kehidupan seharian. Tempat tinggal, air, sanitasi dan juga kebersihan dimasukkan di dalam Peraturan Mandela sebagai hak yang perlu diberikan kepada tahanan secara adil dan saksama. Bertepatan dengan Peraturan Mandela yang ke-42, keadaan persekitaran asas yang telah dinyatakan membuktikan bahawa tahanan berhak menikmati kemudahan dan fasiliti yang baik (ODIHR, 2018:99). Hal ini termasuklah tempat tinggal yang memenuhi kriteria yang selamat untuk didiami contohnya, baik dari segi pengudaraan, pencahayaan dan suhu persekitaran. Berdasarkan kepada Peraturan ke-11 dan 12 Peraturan Mandela, keadaan tempat tinggal bagi semua jenis tahanan perlu disediakan dalam keadaan yang baik. Peraturan ke-11 iaitu pembahagian mengikut kategori menjelaskan bahawa setiap tahanan iaitu banduan di dalam penjara khususnya hendaklah diasingkan mengikut kategori berdasarkan kepada jantina, umur, rekod jenayah, sebab penahanan menurut undang-undang dan keperluan penjagaan kesihatan atau rawatan. Maka dengan itu, tahanan lelaki dan wanita perlu diasingkan atas faktor privasi.

Hal ini termasuklah keluasan tempat tinggal tahanan juga perlu dipastikan tidak berlaku kepadatan atau kesesakan. Peraturan Mandela yang ke-12 sehingga 14 juga turut

memperihalkan bahawa kesemua tempat tinggal yang disediakan bagi kegunaan tahanan khususnya bagi tempat tidur tahanan seharusnya berada dalam keadaan suhu, pencahayaan dan pengudaraan yang baik. Pada masa yang sama, sistem ini dapat mengelakkan penularan jangkitan bawaan udara seperti influenza. Elemen semulajadi ini merupakan elemen yang diperlukan oleh manusia. Seterusnya berkaitan tentang air, sanitasi dan kebersihan persekitaran pusat tahanan yang memberi kesan besar kepada kesihatan para tahanan. Di dalam Peraturan Mandela telah menjelaskan panduan yang perlu dipatuhi oleh pihak berkuasa untuk memastikan persekitaran pusat tahanan berada dalam keadaan yang baik untuk didiami. Peraturan 15 dan 16 mengutarakan bahawa pemasangan sanitasi terutamanya sanitasi air perlu diselia dan diuruskan sebaiknya. Tahanan akan terdedah kepada risiko kesihatan iaitu penularan penyakit berjangkit seperti cirit-birit, demam, kudis dan banyak lagi jika kebersihan air dan persekitaran terjejas. Peruntukan Peraturan 17 sehingga 21 juga turut memberi penekanan yang lebih mendalam tentang bagaimana pihak berkuasa perlu memastikan pusat tahanan berada dalam keadaan yang baik.

Dapatan kajian berdasarkan kepada penelitian yang dibuat secara mendalam ke atas laporan-laporan yang dikeluarkan oleh pihak SUHAKAM dan SUARAM mendapati bagi keadaan infrastruktur seperti kemudahan tempat tidur meliputi bilik ataupun sel tahanan, masih terdapat kekurangan yang perlu ditambah baik dari masa ke semasa. Hal ini adalah kerana permasalahan dan isu-isu ketidakselesaian, kebersihan dan kelompondan pada beberapa lokap, penjara dan depoh tahanan imigresen masih dilaporkan sehingga 2022. Berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dibuat oleh kakitangan *Complaints and Monitoring Division* (CMD) yang telah ditugaskan untuk memantau keadaan pusat tahanan di seluruh Malaysia, lawatan tersebut mendapati masih terdapat kekurangan pada struktur bangunan dan keadaan pusat tahanan yang tidak mengikut kriteria dan piawaian yang ditetapkan oleh PBB menerusi Peraturan Mandela.

Oleh kerana laporan terkini yang dikeluarkan oleh SUHAKAM adalah laporan pada tahun 2019, maka penulis mengambil kira pemerhatian pada tahun tersebut sebagai asas kepada penelitian terkini melibatkan keadaan pusat tahanan. Pertama adalah keadaan bilik tidur atau tempat tinggal tahanan. Antara hasil dapatan yang dikemukakan oleh SUHAKAM adalah dapatan pada IPD Sikamat, Seremban Negeri Sembilan bertarikh 8 Mac 2019. Pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa kapasiti pusat tahanan lokap perlu dihadkan kepada 6 individu (Orang Kena Tahan, OKT) sahaja sesuai dengan keluasan sel tahanan bagi mengelakkan sebarang jangkitan atau kesesakan berlaku (SUHAKAM, 2019:42). Hal ini bertepatan dengan ketetapan-ketepatan Peraturan Mandela yang menggariskan keperluan ruangan yang bersesuaian untuk tahanan. Sistem yang masih digunakan di sesetengah pusat tahanan Malaysia boleh dikatakan tidak cukup kondusif dan masih tidak diselenggara dengan baik. Meskipun setiap tahun terdapat banyak aduan yang telah dibuat tentang keadaan pusat tahanan, namun ianya masih pada takuk yang sama. Hal ini membuktikan bahawa definisi ketersediaan pusat tahanan di Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan.

Seterusnya pemerhatian yang dibuat menerusi lawatan ke Depoh Imigresen Putrajaya pada 22 Mei 2019 telah mengenalpasti bahawa garis panduan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mandela 13 dan 14 (Perkara 10 : Piawaian Minimum Peraturan oleh PBB) tidak diikuti sebaiknya (SUHAKAM, 2019:46). Hal ini kerana dapatan membuktikan struktur dan senibina bilik tahanan tidak dilengkapi dengan sistem pencahayaan dan pengudaraan yang baik. Udara yang segar turut membantu sistem pernafasan tahanan dengan lancar. Walau bagaimanapun, struktur pembinaan sel dan bilik tahanan di

kebanyakan pusat tahanan Malaysia tidak mengikuti Peraturan Mandela. Hal ini kerana peruntukan yang terdapat di dalam Akta Penjara 1995, Peraturan Penjara 2000 dan Peraturan Lokap 1953 menyatakan bahawa pencahayaan dan sistem pengudaraan tidak menjadi antara elemen terpenting yang perlu diberi perhatian (SUHAKAM, 2016:154). Pada lawatan pihak SUHAKAM di Depoh Tahanan Imigresen Machap Umboo Melaka memperlihatkan bahawa bekalan air bersih menjadi antara isu yang disuarakan oleh kerana depoh tersebut sering mengalami masalah air.

Meskipun depoh tersebut memiliki rumah pam air, namun ianya tidak dapat berfungsi dengan baik menyebabkan air dibekalkan semula selepas 24 jam dari masa aduan dibuat. Hal ini menyukarkan tahanan untuk membersihkan diri mereka. Dalam pemantauan di depoh tahanan yang sama, masih terdapat kekangan oleh pihak pusat tahanan tersebut untuk menyediakan keperluan asas yang semestinya amat diperlukan oleh tahanan. Menerusi laporan SUHAKAM (2019:48), keperluan asas untuk membersihkan diri mereka seperti sabun badan dan ubat gigi hanya diperuntukkan hanya sekali bagi setiap tahanan. Perkara ini membuka peluang yang lebih tinggi kepada tahanan untuk menghidapi penyakit kulit disebabkan oleh penjagaan kebersihan diri yang tidak diuruskan sebaiknya. Walaupun hasil dapatan dari lawatan pihak SUHAKAM ke pusat tahanan menghasilkan cadangan penambahbaikan menerusi wawasan Reformasi Penjara (Prison Reform), namun kejayaan pengimplimentasian gerak kerja tersebut masih belum diketahui umum. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dikeluarkan oleh Prison Insider (2022), berpendapat bahawa keadaan pusat tahanan di Malaysia masih tidak baik dan tidak mencukupi. Pembaharuan yang ingin dilaksanakan menerusi Reformasi Penjara sehingga kini masih belum memperlihatkan perkembangannya. Dalam masa yang sama juga, kejayaan reformasi ini sukar dinilai oleh kerana ketiadaan laporan tahunan dari tahun 2020 sehingga 2022 oleh SUHAKAM.

(B) Pemakanan

Selain dari hak persekitaran dan air yang bersih, lumrah hidup manusia juga memerlukan makanan yang baik untuk kesihatannya. Maka di dalam Peraturan Mandela ke-22 telah menghuraikan bahawa tiap-tiap tahanan hendaklah diperuntukkan makanan oleh pegawai yang bertugas pada waktu yang ditetapkan dengan jumlah yang mencukupi. Hal ini demikian kerana makanan adalah asas kepada kelangsungan hidup seorang manusia yang menjadi sumber kekuatan utama tenaga untuk menjalani kehidupan seharian. Oleh itu, makanan yang disediakan perlulah memenuhi kriteria dan nilai pemakanan yang berkualiti. Begitu juga dengan air minuman yang disediakan perlu dipastikan bersih dan tidak tercemar. Menurut *Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights (OHCHR)*, manusia termasuklah tahanan berhak menerima hak untuk mendapatkan makanan menerusi empat elemen utama. Antara elemen tersebut dalam konteks pusat tahanan adalah menerusi ketersediaan (*availability*), kebolehcapaian (*accessibility*), kecukupan (*adequacy*) dan kemampanan (*sustainability*). Amalan kebersihan perlu diberi keutamaan sewaktu proses penyediaan dan penyimpanan makanan. Sumber makanan dan air bukan sahaja perlu disediakan dengan berkualiti dan seimbang, malahan kuantiti makanan dan air minuman bersih juga perlu dipastikan mencukupi dan diagihkan secara sama rata agar tidak berlaku persaingan atau perebutan yang mampu membawa risiko keganasan antara tahanan.

Dapatan pertama mendapati kadar peruntukan makanan ini masih tidak diselaraskan secara sama rata. Takrifan bagi maksud penyelarasan disini adalah ketercapaian dari segi kuantiti dan bajet seharian makanan dan minuman. Berdasarkan

kepada lawatan kakitangan SUHAKAM ke pusat tahanan iaitu 47 lokap tahanan di seluruh negara pada tahun 2016 mendapati hampir kesemua peruntukan bajet makanan dan minuman sehari para tahanan tidak sama. Hal ini memperlihatkan bahawa kuantiti dan kualiti makanan bagi setiap lokap tahanan bergantung kepada peruntukan yang diberikan. Menerusi temubual yang dilakukan terhadap pegawai bertugas mendapati peruntukan terendah dicatatkan sebanyak RM3.60 iaitu di Lokap Polis Ayer Molek Johor Bahru dan peruntukan tertinggi adalah sebanyak RM15.50 di Lokap Bintulu (SUHAKAM, 2016:66-68). Kadar peruntukan bajet sehari bagi 3 kali makan dengan jumlah serendah RM3.60 merupakan kadar yang tidak boleh diterima dan tidak munasabah. Selain itu juga, keperluan air minum yang bersih turut tidak disediakan dengan mencukupi. Maklum balas yang diberikan oleh sesetengah tahanan di beberapa lokap mendapati, mereka yang memiliki masalah kesihatan diberikan makanan sama seperti tahanan yang lain. Makanan tersebut tidak mengikut khasiat dan diet yang diperlukan oleh tahanan yang memiliki keadaan kesihatan yang kurang baik (SUHAKAM, 2016:70). Isu melibatkan makanan ini bukan sahaja berlaku 7 tahun lalu. Kelemahan ini masih wujud hingga kini oleh kerana masih terdapat laporan yang diterima menjelaskan tahanan terutamanya banduan yang berdepan hukuman gantung sehingga mati diberi makanan yang tidak berkualiti dan tidak mencukupi (Prison Insider, 2019). Makanan yang tidak berkualiti ini termasuklah makanan yang melalui proses penyediaan yang tidak bersih seperti mana yang telah ditetapkan oleh Peraturan Mandela ke-22.

Menurut kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah menerusi sidang Parlimen yang berlangsung pada 27 Mac 2023 berkata, peruntukan bajet tahunan bagi tahanan yang berada di depoh imigresen akan dikurangkan memandangkan jumlah tahanan imigrasi semakin meningkat. Hal ini turut menambahkan lagi jumlah peruntukan yang perlu disediakan oleh pihak kerajaan memandangkan kos makanan dan minuman bagi setiap tahanan dianggarkan berjumlah RM13.50 setiap hari, menjadikan peruntukan tahunan berjumlah hampir RM84.8 juta dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu tahun 2022 (Shahrin Aizat, 2023). Dalam masa yang sama juga, perbincangan bersama Jabatan Imigresen Malaysia telah dibuat bagi merangka pelan tindakan yang efektif bagi memastikan pengurangan bajet ini dapat diuruskan sebaiknya. Peningkatan jumlah tahanan dari kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah memberi kesan kepada lebihan dalam kapasiti depoh yang ditetapkan. Peningkatan ini telah berlaku setiap tahun. Ketua pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, meskipun berlaku peningkatan jumlah, kos perbelanjaan pengurusan tahanan luar masih dibawah tanggungan pihak kerajaan untuk memastikan hak asasi bagi tahanan PATI terpelihara seperti mana yang telah dilakukan oleh kebanyakan negara luar. Antara solusi yang turut dikemukakan oleh Jabatan Imigresen adalah kerjasama yang dijalinan bersama-sama pihak kedutaan untuk mempercepatkan proses pengeluaran dokumen perjalanan bagi tujuan penghantaran semula tahanan asing (Berita Harian, 2019). Hal ini membuktikan bahawa pihak berkuasa dan pihak kerajaan memiliki cadangan dan solusi yang baik dalam mengendalikan isu lebihan tahanan di depoh imigresen meskipun bajet tahunan terpaksa dikurangkan bagi mengimbangi kadar kewangan negara.

(C) Akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan tahanan

Setiap tahanan memerlukan akses terhadap perkhidmatan kesihatan dan keperluan asas sama seperti masyarakat biasa di luar sana. Ianya sebahagian bentuk hak asas yang perlu dilindungi dan dipelihara oleh pihak berkuasa tempatan tanpa sebarang bentuk penindasan

atau diskriminasi. Piawaian sejagat oleh PBB yang majoriti dirujuk oleh kebanyakan negara di dunia berkait dengan pengendalian penjagaan kesihatan para tahanan. Hak tahanan bagi aspek kesihatan di Malaysia disuaikan dengan beberapa peraturan dan regulasi seperti Akta Penjara 1995, Peraturan dan Undang-Undang Penjara 2000 dan Peraturan Lokap 1953. Namun ianya tidak hanya terhad kepada peraturan dan undang-undang tersebut oleh kerana Malaysia merupakan negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Rentetan tersebut menjadikan negara ini mengambil kira Peraturan Mandela sebagai salah satu panduan dan komponen utama untuk memperkasakan kedudukan hak tahanan di Malaysia. Kewujudan pusat tahanan di Malaysia bukan semata-mata hanya menjadi pusat bagi menjalani hukuman, malahan ianya juga perlu mengambil kira permasalahan yang akan dihadapi oleh golongan rentan seperti tahanan yang menghidapi penyakit sebelum dan semasa menjalani proses penahanan. Justeru itulah, kemudahan kesihatan menjadi antara kemudahan yang perlu diberi perhatian yang serius oleh kerana ianya melibatkan anggota badan, mental dan nyawa para tahanan. Penelitian terhadap isu kesihatan mendapati dari 3891 tahanan yang melaporkan tidak sihat, hampir 53 peratus (2712 tahanan) menyatakan kakitangan menjalankan tanggungjawab sebaiknya dalam memberi rawatan dalam kadar yang segera (SUHAKAM (2017:42). Manakala 23 peratus (1180 tahanan) menerima rawatan dalam tempoh 1 sehingga 2 hari selepas aduan dibuat dan 7 peratus (396 tahanan) menerima rawatan dan pemeriksaan selepas tempoh 2 hari. Dapatan tinjauan tersebut juga mendapati kekurangan jumlah keperluan kesihatan seperti ubat-ubatan tidak diperuntukkan secukupnya oleh Kementerian Kesihatan. Hal ini menjadikan keperluan perubatan tersebut terpaksa dibiayai oleh pengurusan pusat tahanan. Kesannya, penggunaan keperluan perubatan dan rawatan akan diberikan kepada tahanan mengikut keutamaan dan tahap kesihatan yang lebih berisiko oleh kerana kekangan peruntukan bajet atau dana kesihatan yang tidak mencukupi (SUHAKAM, 2017:68).

Cabaran yang terpaksa dihadapi oleh sesetengah tahanan apabila kesihatan mereka tidak diuruskan sebaiknya menyebabkan permasalahan yang lebih serius berlaku. Antaranya, kematian di dalam tahanan disebabkan oleh kelewatan menerima rawatan dan kekurangan pemeriksaan berkala. Kes kematian dalam tahanan disebabkan oleh pengabaian pihak berkuasa akhirnya menyebabkan beberapa tahanan telah dilaporkan meninggal dunia kerana menerima rawatan lewat. Antara mangsa kematian dalam tahanan adalah Mohd Iqbal Abdullah, 29 tahun dilaporkan meninggal pada pagi 28 Jun 2021 di Hospital Tanjung Karang dalam tempoh menunggu temujanji pemeriksaan dan rawatan bagi sakit pada perut yang dialaminya. Beliau merupakan tahanan yang ditangkap di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan direman di Penjara Sungai Buloh. Keadaan kesihatannya menjadi semakin teruk apabila berada di bawah jagaan pihak berkuasa.

Menurut isterinya, kesihatan Iqbal adalah baik sebelumnya sehinggalah pada Februari tahun tersebut ketika kehadirannya sewaktu perbicaraan terakhir beliau. Tubuh badannya kelihatan kurus. Laporan kesihatan mendapati beliau menghadapi simptom cirit-birit (*diarrhoea*) dan muntah (*vomiting*) (SUARAM, 2021). Kedua-dua simptom ini merupakan antara simptom yang berkemungkinan terjadi disebabkan oleh kekurangan mikronutrien yang berfungsi membantu metabolisme badan manusia. Menurut International Committee of the Red Cross Malaysia, simptom cirit-birit dan muntah boleh terjadi disebabkan oleh pengambilan makanan yang tidak mencukupi bagi suatu tempoh masa. Hal ini dapat dikaitkan dengan akses makanan yang mencukupi seperti yang telah diujahkan pada bahagian sebelum ini. Disamping itu juga, peguam beliau turut menegaskan bahawa

kematian beliau juga dikaitkan dengan kecuaiannya pihak bertugas menjaganya pada ketika itu yang dipercayai mengabaikan keadaan kesihatan beliau yang semakin teruk (SUARAM, 2021:41). Pengabaian tentang keadaan kesihatan tahanan tidak selari dengan apa yang telah digariskan oleh Peraturan Mandela. Semua tahanan tidak kira atas apa-apa kesalahan sekalipun berhak mendapat akses kepada penjagaan dan rawatan kesihatan yang baik dan teratur. Malahan, rawatan yang perlu diterima juga tidak boleh dilewatkan atau dikurangkan dari kadar keperluan yang ditetapkan.

Depoh tahanan imigresen menjadi antara pusat tahanan yang menghadapi kekurangan yang begitu banyak termasuklah dalam konteks perkhidmatan kesihatan. Menurut South China Morning Post (SCMP) menerusi akhbar Deseret News yang dikeluarkan oleh Leonard (2022), mendapati kebanyakan tahanan terkait dengan isu pengabaian melibatkan ketercapaian perkhidmatan kesihatan. Buktinya, saban tahun kes kematian dilaporkan melibatkan akses perkhidmatan kesihatan yang tidak diberikan sebaiknya. Analisis penulisan ini mendapati, piawaian peraturan minimum ke atas tahanan dan sistem pemenjaraan di Malaysia masih tidak mengaplikasikan sebaiknya peruntukan Peraturan-peraturan Nelson Mandela yang sememangnya baik untuk dipraktikkan terhadap tahanan. Tidak dapat dinafikan, peraturan-peraturan bersifat domestik misalnya Keadah-Kaedah Lokap dan Peraturan-Peraturan Penjara telah berjaya digubal dan digunapakai. Namun akta-akta tersebut masih tidak dikuatkuasakan sebaiknya dan tidak dipergiatkan secara menyeluruh. Rentetan dari itulah, pusat tahanan seperti depoh tahanan imigresen memiliki kekurangan jauh lebih banyak dari pusat tahanan lain. Hal ini membuktikan pemeraksanaan hak tahanan tidak diselaraskan secara sama rata dan menyebabkan ada antara tahanan yang berada di kawasan kurang maju terpaksa berhadapan dengan risiko yang lebih mencabar.

4.3 Tahap Pemeraksanaan Hak Tahanan dari Aspek Keselamatan dan Perundangan di Malaysia dengan Perbandingan terhadap India dan United Kingdom.

Hak tahanan di Malaysia turut dikaji menerusi pemeraksaannya dalam aspek keselamatan dan perundangan. Melihatkan kepada pengabaian terhadap hak tahanan yang cenderung berlaku akibat dari masalah melibatkan kredibiliti pihak berkuasa tempatan, isu seperti keganasan pihak polis dan ketelusan dalam penyiasatan terhadap kes kematian dalam tahanan di Malaysia menjadi antara masalah yang paling besar. Sehingga tahun 2022, *United Nation Convention Against Torture* (UNCAT) masih belum diratifikasikan di Malaysia (SUARAM, 2022). Hal ini menjadikan Malaysia negara yang jauh ketinggalan berbanding negara-negara membangun yang lain dalam konteks pemeraksanaan hak tahanan terhadap isu keganasan. Hampir 10 tahun, jumlah negara yang meratifikasikan konvensyen ini kian bertambah, namun tidak bagi Malaysia. Oleh itu, Malaysia dianggap menjadi '*last man standing*' yang cenderung menghadapi risiko terhadap masalah-masalah keganasan dalam tahanan selagi mana ianya tidak meratifikasikan konvensyen ini.

Mengapa UNCAT perlu diimplementasikan di Malaysia dan apakah kepentingannya? Konvensyen ini menyediakan rangka tindakan yang sangat berkesan dalam melindungi dan mengurangi isu keganasan terutamanya melibatkan tahanan. Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat terhadap kejayaan *World Organization Against Torture* (OMCT), konvensyen ini berhasil membantu negara-negara untuk menambah baik undang-undang dan dasar negara. Jika dibandingkan dengan United Kingdom, UNCAT telah berjaya diratifikasikan di negara tersebut pada 8 Disember 1988. Menerusi

pengimplementasian UNCAT di United Kingdom, pihak kerajaannya juga berjaya meratifikasikan *Optional Protocol to the UN Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment* (OPCAT) sebagai sebuah sistem pengawasan domestik yang dilaksanakan dibawah peranan *National Preventional Mechanism* (NPM) pada 2009. Pemerkasaan hak tahanan di United Kingdom dapat dikatakan lebih baik jika dibanding dengan tahap pemerkasaanya di Malaysia. Hampir 21 badan yang bertindak memeriksa dan memantau pelbagai jenis pusat penahan di seluruh United Kingdom telah berjaya digiatkan sehingga negara tersebut dikenali sebagai negara yang berjaya memerangi masalah dan isu melibatkan keganasan terhadap tahanan. Malaysia harus memberi tumpuan kepada penguatkuasaan larangan penyeksaan melibatkan proses soal siasat rasmi dijalankan dan memerlukan penyiasatan yang telus dilakukan sekiranya terdapat sebarang dakwaan penyeksaan berlaku.

Bagi isu tahanan tanpa perbicaraan, sehingga kini banyak rakyat Malaysia yang terpaksa berdepan dengan permasalahan ini. Tahanan tanpa bicara yang seringkali dilakukan dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) dan juga dikenali sebagai *Security Offences (Special Measures) Act 2012* (SOSMA) menjadikan mereka yang ditahan tidak perlu dibawa ke hadapan majistret. Penangkapan ini juga hanya perlu mendapatkan kelulusan pegawai polis yang berpangkat Penguasa Polis atau berpangkat lebih tinggi daripada penguasa polis tersebut bagi melanjutkan penahanan suspek untuk siasatan. Penangkapan dibawah akta ini turut menghalangi individu yang ditahan untuk mendapatkan akses kepada peguam dalam tempoh 48 jam pertama, dan boleh ditahan lanjut sehingga 28 hari bagi maksud penyiasatan. Meskipun selepas 28 hari individu ditahan dibawa ke Majistret, namun hak untuk mengetahui alasan penangkapan dan hak untuk membela diri dalam tempoh telah diketepikan. Berbeza dengan di United Kingdom, *Police and Criminal Evidence Act 1984* (PACE) menyediakan konteks teras kuasa polis dan perlindungan ketika individu berdepan penahanan dan proses penyiasatan. Akta ini adalah untuk mencapai keseimbangan yang adil antara penggunaan kuasa oleh mereka yang berkuasa dan hak orang awam. Kod G di dalam Akta PACE ialah kod amalan untuk kuasa menangkap oleh pegawai polis. Kuasa menangkap mesti digunakan secara adil dan bertanggungjawab terhadap orang yang disyaki melakukan kesalahan dan tanpa diskriminasi yang menyalahi undang-undang seperti yang dinyatakan dalam kod tersebut. Elemen-elemen penangkapan akta ini menyatakan bahawa penangkapan yang sah memerlukan dua elemen. Pertama adalah penangkapan perlu memastikan individu tersebut disyaki terlibat atau cubaan penglibatan dalam melakukan kesalahan jenayah. Kedua adalah penangkapan dengan alasan yang munasabah untuk mempercayai orang itu layak ditangkap. Kedua-dua elemen ini perlu dipenuhi untuk penahanan berlaku dan tiada sesiapa pun boleh ditangkap tanpa sebarang alasan yang munasabah.

Meskipun Malaysia turut menekankan bahawa tiada individu boleh ditahan tanpa sebarang alasan munasabah menerusi Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan namun sehingga tahun 2022, masih terdapat kes melibatkan tahanan tanpa bicara yang pada akhirnya cenderung menyebabkan berlakunya keganasan terhadap tahanan tersebut. Pelanjutan subsekyen 4(5) SOSMA ini membolehkan pihak berkuasa menahan mana-mana individu tanpa melalui proses perbicaraan yang semestinya telah mengeneipkan hak yang sewajarnya diterima oleh individu yang ditahan seperti yang telah termaktub di dalam Perlembagaan dan juga di dalam UDHR. Menerusi laporan tahun SUARAM pada 2022, hampir 116 kes dicatatkan dibawah SOSMA. Tidak dapat dinafikan bahawa akta ini sememangnya berfungsi sebagai akta membendung jenayah tertentu dan bertujuan menjaga keselamatan masyarakat awam. Namun menjadi permasalahan apabila akta ini seringkali

disalahgunakan untuk tujuan tertentu sehingga menyebabkan ada pihak tidak bersalah terpaksa berdepan dengan tuduhan tidak berasas. Meskipun tidak ada kes yang dicatatkan melibatkan penangkapan di bawah aktiviti politik pada tahun 2022, namun penerusan akta ini telah menyebabkan masih membolehkan pihak berkuasa menggunakannya sebagai asas kepada penangkapan penentang politik (SUARAM, 2022). Contohnya, penahanan Maria Chan Abdullah iaitu Pengerusi Bersih 2.0 dan Khairuddin Abu Hassan, ahli politik yang mengkritik skandal 1MDB. Kedua-dua penangkapan ini tiada kaitan yang munasabah untuk dikaitkan dengan keselamatan negara sepertimana yang dinyatakan didalam akta SOSMA. Dari 2015 sehingga 2022, jumlah terkumpul melibatkan individu yang ditahan tanpa bicara dibawah akta SOSMA adalah 2683.

5. Rumusan dan Cadangan

Selain bagi memberi kesedaran dan literasi kepada masyarakat awam tentang hak terhadap tahanan, signifikan kajian ini lebih terlihat dan menjurus kepada kefahaman yang lebih baik dan mendalam tentang situasi sebenar yang berlaku di dalam pusat tahanan Malaysia. Dengan itu, aspek polisi dan perundangan negara perlu diteliti dan diimplimentasikan dengan sebaiknya melalui cara yang lebih tersusun, sistematik dan yang paling utama adalah adil dan telus tanpa sebarang intimidasi dan diskriminasi. Kajian ini turut ditulis untuk mengimbangi keperluan penulisan akademik yang mengambil kira pandangan tokoh dan bahan yang berilmiah. Maka dengan itu, hasil akhir kajian ini akan dapat dimanfaatkan kepada seluruh warganegara tidak kira bagi warga tempatan mahupun warga luar. Khususnya buat para pentadbir negara dan juga badan-badan yang terlibat dalam menyelusuri dan memahami realiti sebenar pelaksanaan intipati dan perihal hak asasi manusia atau kebebasan asasi yang dikecapi oleh mereka yang tergolong sebagai tahanan. Cadangan dan solusi terbaik untuk mengatasi permasalahan yang wujud ini adalah dengan cara menambah baik sistem sedia ada. Bagi pengkaji, antara syor dan saranan yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan usaha dan kerjasama pihak berkuasa tempatan seperti PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia adalah menaiktarafkan infrastruktur dan kemudahan di pusat kemudahan. Contohnya, dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi terhadap penyelenggaraan tandas, sel atau bilik tahanan, tempat penyediaan makanan, ruangan awam dan lain-lain. Dalam masa yang sama, cadangan terhadap peruntukan makanan dan minuman tahanan turut perlu diberi perhatian. Makanan dan minuman bersih perlu ditambah baik dari segi kuantiti dan kualiti. Hal ini bermaksud, setiap makanan yang diperuntukkan perlulah mencukupi dan berkhasiat. Peruntukan makanan sehari bagi tahanan ini juga perlu ditingkatkan pada kadar semasa yang sesuai.

Pengkaji berpendapat bahawa, bagi membendung masalah melibatkan keganasan melibatkan pihak berkuasa, solusi terbaik adalah dengan menubuhkan satu badan bebas yang berfungsi untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan berkala pada setiap bulan. Badan bebas ini juga berfungsi hanya untuk mengenalpasti masalah-masalah dalaman yang di hadapi tahanan khususnya bagi aspek melibatkan keselamatan tahanan. Ini termasuklah bagi pusat tahanan jangka masa panjang (penjara dan depoh tahanan) mahupun jangka masa pendek (lokap polis). Dalam masa yang sama juga, badan bebas ini juga perlu menjalankan tugas secara telus tanpa sebarang unsur peribadi dan dipastikan bahawa setiap kakitangan yang terlibat dipilih dari golongan profesional dan memiliki kepakaran tentang hak asasi manusia. Tambahan itu juga, yang paling utama adalah perubahan menrusi dasar atau polisi negara. Malaysia menjadi antara 25 negara yang masih belum meratifikasikan UNCAT sebagai salah satu konvensyen antarabangsa yang bertindak menjadi garis

panduan untuk menghalangi sebarang bentuk hukuman dan pemulihan berbentuk zalim dan ganas (Mohamed Hanipa Maidin, 2019). Hal ini turut bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 5 dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) Perkara 3.

Mekanisme pemantauan yang berkesan, perlindungan dan akauntabiliti sememangnya amat diperlukan di Malaysia dalam konteks hak ke atas tahanan. Undang-undang drakonian seperti tahanan tanpa bicara juga perlu ditambah baik agar hak untuk mendapat perbicaraan yang adil dan telus diberikan kepada setiap tahanan. Akta SOSMA sememangnya tidak dapat dinafikan menjadi antara akta yang membantu negara dan kerajaan membendung jenayah-jenayah yang besar. Namun begitu, akta ini perlu dikaji semula agar tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak terutamanya melibatkan tahanan politik seperti aktivis dan ahli politik. Tindakan tahanan tanpa bicara sememangnya telah meragut kebebasan hak asasi manusia kerana ianya tidak memberi peluang kepada mangsa untuk menerima perbicaraan yang adil. Akta SOSMA hanyalah undang-undang prosedur bagi tujuan siasatan. Penahanan selama 28 hari bagi tujuan siasatan bukanlah bagi tujuan melindungi keselamatan negara.

Selain itu juga, masih banyak undang-undang yang berkuatkuasa di bawah Kanun Prosedur Jenayah yang boleh digunakan untuk melaksanakan penahanan dengan melalui proses reman di mahkamah (SUARAM, 2022). Hal ini bermakna, akta sedia ada sudah mencukupi berbanding dengan pelanjutan akta SOSMA ini. Cadangan dan solusi yang dinyatakan ini tidak lain tidak bukan adalah untuk mencegah sebarang bentuk penyiksaan, ketidakadilan, merayakan kesaksamaan dan memartabatkan semula maruah tahanan yang telah diketepikan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pemeraksanaan kebebasan hak asasi tahanan di Malaysia masih pada tahap yang kurang memuaskan jika diukur berdasarkan garis panduan antarabangsa seperti UDHR dan Peraturan Mandela. Tahanan juga perlu diperlakukan dengan baik meskipun separuh dari kebebasan diri mereka telah hilang oleh kerana berdepan dengan penahanan di bawah pemantauan pihak berkuasa dan tertakluk kepada hukuman yang diterima. Namun begitu, ianya tidak menjadikan mereka perlu diperlakukan dan dilayani dengan kejam dan zalim. Hukuman yang diberikan seharusnya tidak boleh bersifat menzalimi, namun perlulah hukuman yang dapat membantu mereka untuk berubah menjadi lebih baik. Malaysia juga perlu mengambil inisiatif untuk memerangi penguatkuasaan undang-undang yang dianggap menindas tahanan dan disifatkan sebagai drakonian.

Rujukan

- Equality and Human Rights Commission. (2019). *Torture in the UK : Update Report*. Retrieved from <https://www.equalityhumanrights.com/sites/default/files/convention-against-torture-in-the-uk-update-report-may-2019.pdf>.
- Donnelly, J. 2003. *Universal Human Rights in Theory and Practice*. Patei. London : Cornell University Press.
- Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC). (2017). *Penjagaan Kesihatan Dalam Tahanan : Panduan Praktikal*, 7-16.

- National Preventive Mechanism. (2020). *Ten years of the UK National Preventive Mechanism, Working Together to Prevent Torture and Ill-Treatment in Detention*, 18-20. Retrieved from <https://icva.org.uk/wp-content/uploads/2020/03/NPM-10-Years-Report.pdf>
- Nisar Mohammad & Mohd Mahyeddin. 2018. *Hak Asasi Manusia dari perspektif Islam dan Undang-Undang di Malaysia : Isu dan Penyelesaian*.
- Mohamed Hanipa Maidin. (2019). *Regional Dialogue on Malaysia's Accession to the United Nations Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment and Punishment (UNCAT)*, Retrieved from <https://www.bheuu.gov.my/pdf/ucapan>
- ODIHR & PRI. 2018. *Guidance Documents on The Nelson Mandela Rules : Implementing the United Nations Revised Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners*, 54 & 99.
- OHCHR. 2023. *OHCHR and the right to food : Key aspects of the right to food*. Retrieved from <https://www.ohchr.org/en/food>
- Perlembagaan Persekutuan. 1957. Bahagian II : Kebebasan Asasi.
- Prison Insider. 2022. *Malaysia: detention conditions of people sentenced to death*. Retrieved from <https://www.prison-insider.com/en/articles/malaisie-conditions-de-detention-des-condamnes-a-mort>
- Reuters. 2020. *Malaysia confirms more coronavirus cases at migrant detention centre*. Retrieved from <https://www.reuters.com/article/us-health-coronavirus-malaysia-cases-idUSKBN22X0VZ>
- Sen, A. 1999. *Pembangunan sebagai kebebasan : Pandangan Amartya Sen tentang Pembangunan*. United Kingdom : Oxford University Press.
- Shahrin Aizat. 2023. *Home Ministry says seeking to reduce cost as RM85m spent on immigration detainees' food, drinks last year*. Retrieved from <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/03/27/home-ministry-says-seeking-to-reduce-cost-as-rm85m-spent-on-immigration-detainees-food-drinks-lastyear/61794>
- Shamrahayu Aziz. 2010. Hak Asaasi Banduan dan Undang-undang di Malaysia : Analisis Permulaan. 22 *Kanun* (3), 8-10.
- SUARAM. (2021). *Malaysia Human Rights Report 2020*. Selangor : Suara Inisiatif Sdn. Bhd.
- SUARAM. (2022). *Malaysia Human Rights Report 2021 : Civil and Political Rights*. Selangor : Suara Inisiatif Sdn. Bhd.
- SUARAM. (2022). *Memorandum Kepada Ahli Parlimen Malaysia, Tolak Subseksyen 4(5) SOSMA*. Retrieved from <https://www.suaram.net/post/memorandum-kepada-ahli-parlimen-malaysia-tolak-subseksyen-4-5-sosma>

- SUARAM. (2022). *Pembaharuan Penjara dan Pusat Tahanan di Malaysia Dalam Fasa Peralihan ke Endemik : Cabaran dan Hala Tuju*. https://www.suaram.net/_files/.pdf
- SUHAKAM. (2016). *Deaths in Police Custody : A Thematic Study on Lock-up Conditions and Factors Contributing to the Death*. Kuala Lumpur : Human Rights Commission of Malaysia, 66-70.
- SUHAKAM. (2017). *The Right to Health in Prison : Results of a Nationwide Survey and Report*. Kuala Lumpur : Human Rights Commission of Malaysia, 42 & 68.
- SUHAKAM. (2020). *Human Rights Comission of Malaysia Annual Report 2019*. Kuala Lumpur : Human Rights Commission of Malaysia, 48.
- United Nation. (1948). *Universal Declaration of Human Rights*. Retrieved from <https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-rights> [15 Mac 2023]
- United Nation Office on Drugs and Crime, UNODC. (2017). *United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners (The Nelson Mandela Rules)*, 2-7.